

BAHASA MELAYU

(oleh Musyfa')

Kata orang-orang tua kita Melayu – “Jikalau kamu sesat jalan hendaklah kamu balik semula ke pangkal jalan” dan oleh kerana hendak tahu betulkan perkataan-perkataan “pemuda” dan “pemudi” itu perkataan-perkataan persendirianya sebagaimana yang disangka atau diagak sahaja oleh tuan Abu Sobri sendiri itu, maka saya pun menulish beberapa pucuk surat kepada setengah sahabat-sahabat saya yang berpengetahuan bahasa Melayu tinggi di Indonesia iaitu tanah yang sudah lama dahulu saya duduki hampir-hampir 20 tahun dengan memegang jawatan kerajaan dan bercampur gaul dengan orang-orang yang setinggi-tinggi darjat sehingga yang serendah-rendahnya. Jawapan-jawapan yang saya terima sangat-sangat memuaskan hati saya. Seorang daripada yang ramai itu ialah seorang anak Indonesia jati dan berjawatan sekarang di pejabat Council Jeneral Indonesia di Singapura dan juga ia berpengetahuan bahasa Inggeris dan Belanda apatah lagi bahasa-bahasa Melayu Indonesia dan Malaya ini .

Jawapan-jawapan yang saya telah terima itu sama keterangannya, iaitu ada pun perkataan-perkataan “pemuda” itu sememang-memangnya diambil daripada perkataan Melayu “muda” yang sememang kita sekalian orang Melayu tahu ertinya. Oleh sebab zaman sekarang ialah zaman perlumbaan dan perekaan-perekaan dan juga hendak mengiyakan bahasa Melayu sehingga bahasa-bahasa dagang pun setengah-setengah perkataannya terutama perkataan-perkataan Belanda dengan diubah-ubah bunyinya dan ejaannya (tatkala menulis bahasa Melayu dengan tulisan huruf rumi sekalipun) bahawa dengan sebab inilah menjadi suatu bahasa Melayu zaman “moden” yang dikatakan bahasa Melayu “campur aduk” dan kebanyakan tidak betul susunannya dan mengelirukan ertinya atau maksudnya yang sebenar.

Dahulu daripada ini, iaitu masa saya masih di Indonesia, orang lelaki muda atau teruna (yang belum beristeri – ayam baharu berkokok) orang Indonesia terutamanya yang dibandar-bandar besar di Pulau Jawa, katakan bujang-bujang tatkala setengahnya katakan pebujang-bujang akan tetapi selama sudah dijadikan umum lelaki muda dikatakan “pemuda” dan perempuannya “pemudi” maka sebutan “pebujang” itu jaranglah disebut-sebut lagi sama ada di dalam percakapan atau tulisan.

Tuan Abu Sobri menulis di dalam “Pengasuh” bilangan 236 berkuat mengatakan huruf “fa” itu bukan huruf penambah kepada perkataan “pemuda” dan “pemudi” itu dan bukan daripada perkataan “muda” tetapi orang-orang Indonesia sendiri menerangkan di dalam surat-surat jawapan mereka itu kepada saya bahawa perkataan “pemuda” itu telah diambil daripada perkataan “muda”. Pada pendapat saya, nyatalah sekarang bahawa “fa” itu digunakan sebagai huruf penambah pada perkataan-perkataan Melayu dengan bertetapan tempat-tempatnya seperti penulis, pengarang, penyusun, pencuri, penyimpan, pendusta, pembohong dan banyak perkataan-perkataan yang lain lagi pada menunjukkan seseorang atau beberapa orang yang melakukan sesuatu hal perbuatan.

Jikalau orang-orang Melayu kita di Malaya telah suka menjadi peniru-peniru atau pak-pak turut kepada rekaan-rekaan saudara-saudara kita di Indonesia itu, maka mengakulah saya disini yang saya tidak sekali-kali berkuasa atau berhak menegah kehendak alam, tetapi mengapakah kita di Malaya ini tidak hendak menjadi pereka-pereka bahasa kita pula, iaitu misalnya orang-orang tuan lelaki disebutkan “petua” atau “pak-pak tua” dan yang perempuan-perempuannya petuwi (ya bertitik di bawahnya – bukan yang tidak bertitik seperti nama-nama orang Musa, Isa, atau perkataan-perkataan seumpamanya)?

Dan lain lagi di antara surat-surat jawapan kepada saya itu, selain daripada bertulis huruf rumi, ada juga yang bertulis huruf Melayu (atau Arab) dan mengatakan bahaawa (sambungan di muka 32)

Bisikan Jiwa:

ADAKAH TUAN KETAHUI?

Hai insan, adakah tuan ketahui
bahawa udara yang tuan hisap
air yang tuan minum
dan makanan yang tuan makan
serta segala kesenangan yang tuan kecap
semuanya itu menyatakan kepada tuan
ke Maha Pemurahan Tuhan seru sekalian alam?

Adakah tuan ketahui
bahawa dengan pergantiannya hari semakin muda
tetapi tuan semakin tua
bahawa selangkah kaki tuan langkahkan
sepatah kata tuan katakan
semakin dekat tuan ke batas perhentian
di mana tuan akan terbaring tiada berkawan?

(sambungan dari muka 31)

sekarang di Indonesia telah dimulai banyak orang-orang di sana
menggunakan huruf Melayu (huruf Arab) kerana telah
didapati bahawasanya huruf Melayu itu lebih sempurna dan
tetap ejaannya terutama sekali nama-nama dan perkataan-perkataan Arab
yang banyak kita sekalian muslimin dan muslimat serata alam
ini menggunakan sebab telah didapati di sisi orang-orang yang mahir
dengan huruf rumi itu menulis dengan huruf Arab,
salah ejaannya, seperti Abdul Rahim ditulis Ibdul Rahim
(mengikut ejaannya huruf rumi (Abdul Rahim) dan
Alhamdulillah ditulis Ilhamdulillah (tulisan rumi
Alhamdoe Lillah) kerana tiada perbezaan di antara Ha
dengan demikian jugalah yang lain-lain lagi adanya.

Adakah tuan ketahui
bahawa bila datang panggilan Tuhan
tak dapat tuan elakkan, tak boleh tuan hindarkan
bahawa kemudian tuan akan dihadapkan di muka pengadilan
di mana harta benda tiada membela
dan kecantikan tiada berguna
dimana kebangsawanan tiada berharga
dan kekuatan tiada berdaya?

Oh, adakah tuan ketahui
bahawa nanti akan datang waktunya
matahari kehilangan cahaya dan jatuh
bintang-bintang hangus dan kabur
segala bukit dan gunung tercabut, terbang bertabur-tabur
dan bumi gementar bergoncang lalu hancur?

Adakah tuan ketahui,
bahawa lautan akan menjadi api, bernyala-nyala
dan akan mati semua yang bernyawa?
Rosak segala rosak segala

Kecuali Dia Allah Taala

-Abu Fahri

Buku-buku Qalam yang baharu:

DI BAWAH LINDUNGAN KAABAH

(Karangan "HAMKA" yang bermutu)

Hampir Siap!

Senaskhah \$1.00 Pos 10 Sen.

-----*-----*-----

Sedang dicetak

Pesan sekarang!

SAIDINA HUSSEIN DI KARBALA

Mintalah kepada penerbitnya:

QALAM 356 & 358, GEYLANG ROAD, SINGAPORE 14.